

# UniMAP MENJADI PENGANJUR MESYUARAT PANEL BANGSA-BANGSA BERSATU

Pada 24 hingga 30 Ogos yang lalu, UniMAP, melalui Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar dan Pusat Hal Ehwal Antarabangsa, telah menjadi rakan penganjur Mesyuarat Tahunan United Nations Environmental Programme (UNEP). Seramai 25 orang pakar dari 12 buah negara (USA, Afrika Selatan, United Kingdom, Greece, Kanada, Jerman, Malaysia, India, Jepun, China dan The Netherlands) telah menghadiri mesyuarat tersebut.

Latarbelakang mesyuarat tersebut telah diterangkan oleh salah seorang ahli panel, Prof. Mohammad Ilyas dari PPK Alam Sekitar, UniMAP, yang mengatakan bahawa penipisan lapisan ozon yang terjadi adalah disebabkan oleh beberapa bahan kimia yang menyumbang kepada proses pemanasan bumi yang melampau sekarang ini. Rentetan daripada penemuan lubang ozon Antartik pada tahun 1985, banyak kerajaan membuat persetujuan (digelar Montreal Protocol) untuk memberhentikan penggunaan bahan yang menipiskan lapisan ozon secara beransur-ansur.

Prof. Mohammad Ilyas juga menambah bahawa sekretariat untuk Montreal Protocol adalah berpusat di Pejabat United Nations Environment Programme (UNEP) di Nairobi, Kenya. Implementasi dan penambahbaikan di dalam protocol ini adalah berdasarkan kepada nasihat dan rundingan pakar yang terdiri daripada ahli panel itu sendiri.

Ahli panel yang telah dilantik akan mengadakan perjumpaan tahunan untuk menyediakan laporan yang mana akan disampaikan kepada semua kerajaan.

UniMAP juga telah menganjurkan dua majlis makan malam untuk ahli panel UNEP. Salah satu majlis tersebut telah diadakan di Istana Arau dan telah menerima perkenan keberangkatan oleh DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamamalullail, Canselor UniMAP dan DYTM Raja Puan Muda Lailatul Shahreen Akashah Khalil. Majlis ini juga turut dihadiri oleh Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor, Ketua-ketua Jabatan serta beberapa orang staf UniMAP.

